

NUBE teruskan piket bantah penarikan bonus

Piket secara aman itu disertai kakitangan bank di sekitar Serdang dengan membawa sepanduk yang menyuarakan rasa tidak puas hati masing-masing ekoran keputusan pengurusan menarik balik pemberian bonus.

■ SITI AZURA ABDUL RAHMAN

SERISERDANG—Hampir 30 ahli Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (NUBE) semalam berpiket secara aman di hadapan Maybank Sri Serdang di sini bagi membantah tindakan pihak majikan menarik balik pemberian bonus mereka.

Tindakan menarik balik bonus itu dibuat selepas majikan mereka sebelum ini bersetuju memberi kenaikan 30 peratus daripada gaji masing-masing, yang menimbulkan rasa tidak puas hati kakitangan bank di seluruh negara.

Timbalan Presiden NUBE, Abdul Zaman Abdullah menjelaskan, ekoran keputusan itu, mereka terpaksa berpiket secara aman dengan harapan hak pekerja dapat dibela.

"Ini adalah piket kali kedua selepas ia dijalan-



Sebahagian daripada kakitangan bank berpiket secara aman di hadapan Maybank Seri Serdang semalam.

kan di Taman Maluri, baru-baru ini. Kami hanya mahukan pihak majikan sedar bahawa tindakan mereka itu tidak wajar dan ia boleh memberi kesan kepada sistem operasi masing-masing.

"Apa yang kami mahukan, mereka mengekalkan bonus walaupun kenaikan diberi kerana itu sajalah punca pendapatan pekerja bagi menampung kos sara hidup yang semakin meningkat," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, piket secara aman itu disertai kakitangan bank di sekitar Serdang dengan membawa sepanduk yang menyuarakan rasa tidak puas hati

masing-masing ekoran keputusan terbabit.

Jelasnya, pemberian bonus dan kenaikan itu dianggap setimpal kerana bidang tugas kakitangan bank kini tidak menjerus pada satu tugas saja malah lebih variasi dan disifatkan sebagai 'multi-tasking'.

"Sebelum berpiket, kakitangan bank sudah menunjukkan rasa tidak puas hati secara aman di mana kami bertindak memakai tag bantahan namun ia tidak mendatangkan hasil.

"Jika mahukan pekerja yang lebih produktif, majikan perlu memahami keperluan pekerja serta ikh-

las dalam pemberian gaji kerana ia mampu menjamin mutu perkhidmatan kami yang berada di barisan hadapan," katanya.

